



QUOTE TITAH



Ramadhan datang lagi, satu bulan, yang darjatnya sangat tinggi di sisi Allah. Pada bulan inilah diwajibkan kita berpuasa, diturunkan Kitab Suci Al-Qur'an dan didalamnya disediakan satu malam yang lebih baik atau lebih utama dari seribu bulan.

Beta berharap, jangan siapa yang rimas dengan Ramadhan, tetapi bersedialah menyambutnya dengan hati terbuka, bukan merasa tertekan dan dukacita kerana terpaksa berlapar dan dahaga.

Inilah masanya kita akan mengaut pahala sabar, lebih-lebih lagi sabar di bulan Ramadhan yang tidak sama dengan sabar dilain-lain bulan. Kerana Ramadhan itu sendiri dinamakan ia 'Bulan Sabar', sebagaimana maksud Hadits Nabi *Shallallahu 'Alaihi Wasallam*: "*Ramadhan adalah 'Bulan Sabar' dan sabar pula balasannya ialah syurga*".

Marilah kita sama-sama berazam untuk menghayati Ramadhan. Hidupkan ia dengan ibadat puasa, dengan membaca Al-Qur'an, dengan qiyamullail, dengan tarawih, dengan zikir, dengan sedekah dan lain-lain amal salih.

Beta difahamkan berdasarkan riwayat, bahawa semua pintu langit dan pintu syurga adalah dibuka pada bulan Ramadhan, manakala pintu-pintu neraka pula ditutup, sekalian iblis dan syaitan dirantai, supaya mereka tidak dapat mengacau kaum muslimin dalam masa berpuasa. Satu sembahyang sunat dalam bulan Ramadhan dikira sama pahalanya dengan sembahyang fardhu pada lain-lain bulan, dan satu sembahyang fardhu pula dalam bulan Ramadhan pahalanya adalah sama dengan 70 fardhu pada lain-lain bulan.

Untuk akhirnya, Beta dan keluarga Beta dengan amat sukacita mengucapkan **Selamat Berpuasa** kepada seluruh rakyat dan penduduk yang beragama Islam di negara ini, semoga kita sama-sama dapat menunaikan kewajipan berpuasa tanpa sebarang halangan atau gangguan.

TITAH

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH
IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

In Conjunction with the Beginning of the Month of Ramadan for the year 1445H/2024M





CANANG EDITORIAL CONFERENCE

Advisor:

Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan
Permanent Secretary (Culture)

Chairman:

Yang Mulia Awang Mohamad Iskandar bin Haji Idris
Acting Director of Administration and Finance

Author / News Source:

Ministry of Culture, Youth and Sports
Dewan Bahasa dan Pustaka
Museums Department
Brunei History Centre
Youth and Sports Department
Community Development Department

Layout and Coordinator

Public Relation Unit
Ministry of Culture, Youth and Sports

Editor

Yang Mulia Dayang Hurul'Ain Nukhbah binti Rabaha
Language Officer, Dewan Bahasa dan Pustaka

Proofing and Reviewing:

Yang Mulia Awang Suip bin Haji Abd bin Haji Abd Wahab
Acting Director of Dewan Bahasa dan Pustaka

Photography:

Ministry of Culture, Youth and Sports
Dewan Bahasa dan Pustaka
Museums Department
Brunei History Centre
Youth and Sports Department
Community Development Department

Photo Courtesy Thanks To:

Information Department

NATIONAL MUNAJAT NIGHT ASSEMBLY

BANDAR SERI BEGAWAN, Saturday, 22 Syaaban 1445 / 2 March 2024 - National Munajat Night Assembly in conjunction with the 40th Brunei Darussalam National Day Celebration organized by the Ministry of Religious Affairs for the 127th time with the cooperation of the Ministry of Culture, youth and Sports.

The ceremony was held at Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit Mosque in Mukim Kilanas. Among those attending were Cabinet Ministers, Deputy Cabinet Ministers, Majlis Ugama Islam Brunei Committee, Yang Mulia the Commander of the Royal Brunei Armed Force, Yang Mulia the Commissioner of Royal Brunei Police, Permanent Secretary, Deputy Permanent Secretary, Head of Departments, Officers and Staff of Ministry of Culture, Youth and Sports . It was also physically and virtually joined by congregants from 68 mosques, suraus and religious halls nationwide.



KHATAM AL-QURAN CEREMONY FOR THE 12th INTAKE OF THE PKBN



DAERAH TEMBURONG, Sunday, 23 Syaaban 1445 / 3 March 2024 - The Ministry of Culture, Youth and Sports (MCYS), through the Khidmat Bakti Negara Section (BKBN), organized a Khatam Al-Quran ceremony for the 12th intake of the Khidmat Bakti Negara Programme (PKBN) at the theatre hall of PKBN Training Camp in Kampong Batu Apoi, Temburong District. A total of 457 PKBN trainees, comprised 309 male and 148 female, participated in the ceremony. Twelve non-Muslim trainees were also present. Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad attended as the guest of honour.

The event proceeded with the minister presenting certificates to male trainees while Yang Mulia Dayang Hajah Nor Ashikin binti Haji Johari, Permanent Secretary (Community), Ministry of Culture, Youth and Sports to the female trainees.

DONATION HANDOVER CEREMONY TO THE HUMANITARIAN FUND FOR PALESTINIAN IN GAZA 2023



BERAKAS, Tuesday, 24 Syaaban 1445 / 5 March 2024 - Minister of Culture, Youth and Sports has received a donation to the National Humanitarian Fund for Palestinian in Gaza 2023 amounting to Nine Thousand Six Hundred and Twenty Seven (BND9,627.00) from two (2) agencies namely Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital (RIPAS) and Dynamik Technologies.

Raja Isteri Pengiran Anak Saleha Hospital (RIPAS) has donated a total of Eight Thousand and Twenty Seven (BND8,027.00) while Dynamik Technologies had donated a total of One Thousand and Six Hundred (BND1,600.00).



THE BOOK DONATION CEREMONY FROM THE HIGH COMMISSION OF THE PEOPLE'S REPUBLIC OF BANGLADESH TO BRUNEI DARUSSALAM



MUARA, Monday, 23 Syaaban 1445 / 4 March 2024 - The Book Donation Ceremony from the High Commission of the People's Republic of Bangladesh to Brunei Darussalam and the Opening of the Bangladesh Reading Corner took place at the Muara Language and Literature Bureau Library.

The ceremony was officiated by Yang Mulia Dr. Dayang Siti Norkhalbi binti Haji Wahsalfelah, Deputy Permanent Secretary (Culture), Ministry of Culture, Youth and Sports as the Guest of Honour.



THE LAUNCHING OF SMS BRUNEI PRIHATIN DONATIONS FOR ORPHANS 1445H/2024M



BERAKAS, Tuesday, 24 Syaaban 1445 / 5 March 2024 - The Ministry of Culture, Youth and Sports (MCYS) through the Community Development Department (JAPEM) with cooperation from Radio Television Brunei (RTB) as well as Datastream Digital Sdn Bhd (DST), Progresif Sdn Bhd and imagine Sdn Bhd launched the 'SMS Brunei Prihatin for Orphans Fund' at Digadong Hall, Ministry of Culture, Youth and Sports building.

The launching was officiated by Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Minister of Culture, Youth and Sports.

The ceremony was also extended with the presentation of donations from SMS Brunei Prihatin collected in the year 1444H/2023M from telecommunications companies amounting to BND95,946.00.



HANDOVER CEREMONY OF GOVERNMENT FINANCIAL ASSISTANCE TO DISASTER VICTIMS



BERAKAS, Wednesday, 25 Syaaban 1445 / 6 March 2024 - Five families involved by the flood, fire incident and uninhabitable home have received the financial assistance from the Government of His Majesty the Sultan and Yang Di-Pertuan of Negara Brunei Darussalam through the Department of Community Development, the Ministry of Culture, Youth and Sports. The handover ceremony took place in Ministry of Culture, Youth and Sports building.

Present to handover the donation to disaster victims was Yang Mulia Dayang Fauziah binti Haji Mohd Salleh, Acting Director, Department of Community Development, the Ministry of Culture, Youth and Sports.



**DISTRIBUTION OF KURMA KURNIA PERIBADI FROM
HIS MAJESTY SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADIN WADDAULAH,
SULTAN AND YANG DI-PERTUAN OF BRUNEI DARUSSALAM
IN CONJUNCTION WITH THE OF MONTH RAMADHAN 1445/2024**



BERAKAS, Thursday, 26 Syaaban 1445 / 7 March 2024 - A ceremony for the distribution of Kurma Kurnia Peribadi from His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam in conjunction with the month of Ramadan 1445/2024 to officers and staff of Ministry of Culture, Youth and Sports and its department which was held at Dewan Citra Budaya, Ministry of Culture, Youth and Sports.

Present as the Guest of Honour was Yang Mulia Pengiran Haji Mohd Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, Permanent Secretary (Culture), Ministry of Culture, Youth and Sports.

Also present were Deputy Permanent Secretary, Head of Divisions, Head of Departments, as well as senior officials and staff of Ministry of Culture, Youth and Sports.



CONFIDENTIAL DOCUMENT SIGNING CEREMONY BY BDADC MEMBERS FOR THE APPOINTMENT 2024 - 2026



BANDAR SERI BEGAWAN, Thursday, 26 Syaaban 1445 / 7 March 2024 – The Anti-Doping Committee of Brunei Darussalam (BDADC) held a Confidential Document Signing Ceremony by BDADC Members for the Appointment 2024-2026 which took place in the Conference Room, Hassanal Bolkiah National Stadium, Berakas.

Present at the ceremony was Yang Mulia Pengiran Mohd Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, Permanent Secretary (Culture), Ministry of Culture, Youth and Sports, who also serves as the Chairman of BDADC.

The BDADC Members for the Appointment 2024-2026 consist of officials from the Ministry of Culture, Youth and Sports, Ministry of Education, Ministry of Health, Attorney General's Chambers, Narcotics Control Bureau, as well as several relevant private agencies.

12TH KHIDMAT BAKTI NEGARA PROGRAMME (PKBN) P ARADE CEREMONY



BATU APOI, TEMBURONG, Saturday, 28 Syaaban 1445 / 9 March 2024 - His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam graced the 12th National Service Programme (PKBN) parade ceremony, Batu Apoi, Temburong District.

His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam has graciously consented to inspect the parade ground of the 12th Khidmat Bakti Negara Programme, consisting of a total of 469 Trainees (314 males and 155 females).

His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, has further consented to receive salutations from the passing parade in slow and quick time. Furthermore, His Majesty graciously delivers his titah and presented awards to the six best trainees of the 12th Khidmat Bakti Negara Programme, namely:

- **BEST MALE DRILL TRAINEE** : 14090 Trainee Muhammad Sufi Muazzam bin Saiful Nidzam / Platoon 11.
- **BEST FEMALE DRILL TRAINEE** : 13887 Trainee Siti Nurbahriah binti Muhammad Norman Shah / Platoon 4.
- **BEST MALE PHYSICAL TRAINING TRAINEE** : 14176 Trainee Taufiq Nurhidayat bin Timbul / Platoon 3.
- **BEST FEMALE PHYSICAL TRAINING TRAINEE** : 13928 Trainee Nur Farhana Syaherra binti Mohammad Faizal / Platoon 4.
- **OVERALL BEST MALE TRAINEE** : 14293 Trainee Muhammad Zulhelmi Hashim bin Jainudin / Platoon 1.
- **OVERALL BEST FEMALE TRAINEE** : 13965 Trainee Nur Lily Izzati binti Abdul Hamid / Platoon 7.



SEMANGAT KEBANGSAAN 2024 CYCLING RECREATION

BANDAR SERI BEGAWAN, Sunday, 29 Syaaban 1445 / 10 March 2024 – His Majesty Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, the Sultan and Yang Di-Pertuan of Brunei Darussalam, graciously participated in the National Day Cycling Ride. The event began and ended at Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.



Also present were His Majesty's sons and brother, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Mateen ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien.

His Majesty led the 8-kilometer ride around Bandar Seri Begawan, which crossed main streets including Jalan Pretty, Jalan Elizabeth 2, Jalan Stoney, Jalan Haji Basir, Jalan Kumbang Pasang, Jalan Perdana Menteri, Jalan RIPAS, and Jalan SOAS, and ended at Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien.





www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/KementerianKebudayaanBeliaDanSukan)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/KementerianKebudayaanBeliaDanSukan)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/KementerianKebudayaanBeliaDanSukan)



www.kkbs.gov.bn [kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei) [Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan](https://www.facebook.com/KementerianKebudayaanBeliaDanSukan)

PENYAMPAIAN DERMA ANAK-ANAK YATIM



MAJLIS PENYAMPAIAN DERMA ANAK-ANAK YATIM PESINGKAT
KEBANGSAAN SAKSI TAHUN 1445H/2024M



www.mba.gov.bn @mba_borneo Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.mba.gov.bn @mba_borneo Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BANDAR SERI BEGAWAN, Monday, 6 Ramadan 1445 / 18

March 2024 – Ministry of Culture, Youth and Sports, through the Community Development Department in collaboration with Brunei and Muara District Office, Ministry of Home Affairs (MOHA) and Bank Islam Brunei Darussalam (BIBD) held the Donation Handover Ceremony for Orphans at the National Level. The event took place at di Plenary, International Convention Centre, Berakas.



www.mba.gov.bn @mba_borneo Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

The Donation were collections of funds from Tabung Anak-Anak Yatim JAPEM, Tabung Dana Anak Yatim Daerah Brunei Muara dan BIBD donation. The donation from **Tabung Anak-Anak Yatim JAPEM** is **BND358,100.00**. Meanwhile, Tabung Anak Yatim Daerah Brunei Muara donated **BND34,935.00** dan **BIBD** donated **BND179,050.00**.



www.mba.gov.bn @mba_borneo Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

Attending as Guests of Honor were Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr Awang Haji Mohd Amin Liew bin Abdullah, Minister in Prime Minister's Office dan Minister of Finance and Economy II as Chairman of Board of Directors of Bank Islam Brunei Darussalam, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman, Minister of Home Affairs dan Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Minister of Culture, Youth and Sports.



www.mba.gov.bn @mba_borneo Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.mba.gov.bn @mba_borneo Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.mba.gov.bn @mba_borneo Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

TEKS MUKADIMAH MINISTER OF CULTURE, YOUTH AND SPORTS



THE FIRST SESSION OF THE 20TH SESSION OF THE LEGISLATIVE COUNCIL (LegCo) MEETING, Monday, 7 Ramadhan 1445 / 18 March 2024

Bismillahir Rahmanir Rahim.

Alhamdulillah Rabbil 'Alamin Wassalatu Wassalamu 'Ala-Asyrafil Anbiyaie Wal-Mursalin Sayyidina Muhammadin Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in.

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Terima kasih Yang Berhormat Pehin Pengerusi atas ruang yang diberikan kepada abis kaola untuk menyampaikan mukadimah bagi pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Abis kaola amat bersyukur tema Tahun Kewangan 2024/2025 iaitu **'Bersatu Membina Masa Depan Yang Lebih Makmur'** adalah amat bertepatan dengan usaha berterusan KKBS dengan kerjasama senegara dalam mencapai matlamat Bangsa Brunei Cemerlang ke arah Wawasan Brunei 2035.

Abis kaola, mewakili Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dengan penuh hormat dan takzim menyembahkan setinggi-tinggi menjunjung kasih kehadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang DiPertuan Negara Brunei Darussalam bagi penyediaan **anggaran perbelanjaan Tahun Kewangan 2024/2025 berjumlah Lapan**



Pada musim permesyuaratan Majlis Mesyuarat Negara ke-19, Kementerian ini telah menggariskan beberapa strategi dan tindakan seperti yang digariskan dalam Pelan Strategik Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan 2020-2024. Secara keseluruhannya, sejak tahun 2020 sehingga 2023, **41% iaitu 34 dari 83 inisiatif** telah selesai dilaksanakan manakala selebihnya sedang dalam pelaksanaan untuk diselesaikan pada tahun kewangan 2024/2025.

Sungguhpun demikian, **Alhamdulillah, kajian semula separuh penggal atau *Mid Term Review* pelaksanaan Pelan Strategik 2020-2024 telah membantu pihak pengurusan untuk mengemaskini perancangan, pelaksanaan dan pengurusan dengan segera supaya dapat menghasilkan impak yang dijangkakan serta mengambil kira perubahan semasa dan cabaran yang mendatang di samping ketersediaan sumber yang sedia ada.**

Antara kemajuan utama dan hasil yang dilihat sejak 4 tahun kebelakangan, dan yang akan terus dicapai adalah:

1) Pertama, di bawah bidang Kemasyarakatan;

- a) Lebih 40% golongan sasaran iaitu 862 orang daripada 1,965 orang yang berdaftar di bawah Jobcentre Brunei telah mendapat **pekerjaan** dalam mana 39% daripadanya iaitu 337 orang daripada 862 orang adalah penerima bantuan kewangan daripada Jabatan Pembangunan Masyarakat, Jabatan Urusan Zakat, Wakaf dan Baitulmal, dan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah.
- b) Selain itu, lebih 160 golongan sasaran di bawah Jabatan Pembangunan Masyarakat bergiat aktif dalam pelbagai aktiviti **keusahawanan**;
- c) Dalam meningkatkan **kemahiran**, lebih 209 penerima bantuan juga telah mengikuti pelbagai program latihan dan pembangunan kapasiti yang dijalankan bersama rakan strategik seperti DARE dan Pusat Pembangunan Belia.
- d) Dari segi **bantuan penempatan rumah sementara**, 77 keluarga yang telah dilanda kesusahan atau bencana juga telah diberikan penempatan sementara.





e) Dari segi meningkatkan lagi pemedulian kepada golongan Orang Kelainan Upaya (OKU), semenjak penguatkuasaan Akta Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya yang baharu pada tahun 2021, jumlah penerima double benefit iaitu penerima **Pencen Umur Tua dan Elaun Kurang Upaya** berjumlah \$500 setiap bulan, meningkat dari 152 penerima kepada 728 penerima;

f) Manakala, sokongan untuk **Orang Kelainan Upaya** juga telah meningkat. Daripada 5,900 orang penerima elaun kurang upaya, seramai lebih 1,200 orang kelainan upaya juga ada menerima Elaun Penyedia Penjagaan (Care Providers Allowance) yang setentunya dapat meningkatkan kualiti penjagaan;

Kesemua strategi dan program-program yang dilaksanakan adalah di bawah mandat Majlis Kebangsaan Isu Sosial (MKIS) ke arah meningkatkan kesejahteraan dan kualiti kehidupan golongan yang memerlukan, dan setentunya akan mendokong ke arah pencapaian visi Masyarakat Progresif;

2) Kedua, di bawah bidang Kebeliaan;

a) Purata 13% peningkatan dapat dilihat berkaitan **penglibatan belia** setiap tahun dengan purata lebih 50,000 telah belia terlibat dalam pelbagai program pembangunan kapasiti;

b) Purata 4% peningkatan **inisiatif atau aktiviti yang diterajui oleh belia** pada setiap tahun;


c) Purata 30% peningkatan **usaha-wan belia** dengan bisnes permulaan (business startups) yang menjana hasil pendapatan melebihi \$930 Ribu secara menyeluruh;

d) 13 orang petani dan peladang daripada kalangan belia di bawah Program Pertanian dan Perladangan telah mengusahakan 55 hektar tanah dan menjana 208.28 tan pengeluaran padi bernilai lebih \$550 Ribu;

e) Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan menyediakan lebih banyak platform bagi melibatkan belia dalam merangka dasar dan membuat keputusan bagi isu-isu yang merangkumi alam sekitar, kesejahteraan mental, pekerjaan, keusahawanan, latihan kemahiran dan kebolehlihatan imej belia di peringkat serantau dan antarabangsa;

f) Kesemua strategi dan program-program yang dilaksanakan ini adalah sejajar dengan Pelan Tindakan Dasar Belia Negara dan Strategi (DBNS) 2020-2024 dan ia adalah dalam landasan yang betul serta menjurus kepada mencapai sasaran mata purata 75% Indeks Pembangunan Belia pada tahun 2025 dan pencapaian visi Belia Siaga Masa Depan;





3) Seterusnya, di bawah bidang Kesukanan;

- a) Dilihat terdapat 22% peningkatan **pengupayaan atlet kebangsaan** dengan purata lebih 800 (***Jumlah sebenar: 884***) orang atlet dalam pelbagai program pembangunan kapasiti termasuk penyertaan dalam pertandingan atau kejohanan sukan prestasi tinggi di peringkat serantau dan antarabangsa setiap tahun;
- b) 13 orang atlet elit telah meraih

18 pingat secara keseluruhan (***5 Emas; 5 Perak; 8 Gangsa***);

- c) Bertanding di tiga acara kejohanan berkontinjen yang berprestij;
- d) Direkodkan purata melebihi 52 ribu (***Jumlah sebenar : 52,817***) peserta mengikuti acara-acara **sukan untuk masyarakat** iaitu merangkumi 232 program dengan 69% peningkatan inisiatif **kesukanan yang diterajui oleh masyarakat** termasuk dari agensi swasta seperti *sports event management* dan persatuan sukan kebangsaan. Ini mencerminkan usaha senegara ke arah meningkatkan dan mendokong **status kesejahteraan dan kesihatan masyarakat** melalui sukan.
- e) Kesemua strategi dan program-program yang dilaksanakan di bawah perancangan pembangunan kapasiti bagi atlet, jurulatih dan persatuan-persatuan sukan kebangsaan adalah dalam landasan yang betul serta menjurus kepada pencapaian visi Negara Sukan Yang Gemilang;

4) Manakala, di bawah bidang Kebudayaan;

- a) Dilihat secara kumulatif, adanya peningkatan kegiatan **pembangunan keupayaan** sebanyak enam (6) kali ganda yang melibatkan lebih 156 ribu (***Jumlah sebenar : 156,505***) orang peserta dalam pelbagai Program Pembangunan Keupayaan Masyarakat sejak tahun 2020;



- b) Ke arah menyumbang kepada peningkatan pengetahuan masyarakat dan ilmiah di bawah Program Perkembangan Penyelidikan, terdapat peningkatan dalam **penyelidikan, penerbitan dan pendokumentasian** iaitu sebanyak 63% daripada Dewan Bahasa dan Pustaka (***Jumlah sebenar: 5,656***); sebanyak 23% daripada Pusat Sejarah Brunei (***Jumlah sebenar: 2,055***) dan 14% daripada Jabatan Muzium-Muzium (***Jumlah sebenar: 1,214***) dengan **8,925** bahan dan rujukan sumber bahasa, sastera, tulisan jawi, warisan, budaya dan sejarah secara keseluruhan;

c) **Fasiliti dan kemudahan** seperti muzium, galeri dan perpustakaan, juga kekal relevan dan menjadi asas utama dalam ketamadunan dan pembangunan masyarakat:



I. Ini jelas dilihat dengan purata 14% peningkatan pelawat dalam dan luar negeri dengan purata hampir 160 ribu (**Jumlah sebenar : 159,666**) pelawat setiap tahun.

II. Setelah pasca COVID-19, lebih 290 ribu (**Jumlah sebenar : 290,686**) pengunjung ke Muzium-Muzium dan Galeri yang menunjukkan ia bukan sahaja sebagai tempat tarikan pelancong malah peningkatan berkaitan kesedaran dan minat terhadap warisan budaya Brunei dalam kalangan rakyat dan penduduk di negara ini termasuk generasi muda.

III. Manakala lebih 400 ribu (**Jumlah sebenar : 413,117**) **pengunjung ke perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka** jelas membuktikan strategi penjenamaan semula perpustakaan telah mencapai objektif dalam menjadikan perpustakaan sebagai pusat komuniti dan ini bermakna, kewujudan perpustakaan masih kekal relevan pada era info komunikasi ini, di samping memupuk budaya membaca dalam masyarakat Brunei;

d) Dari aspek meningkatkan imej dan perkembangan warisan, budaya dan sejarah, keberhasilan usaha dari aspek ini dapat dilihat melalui:

I. Pencapaian Pusat Sejarah Brunei sebagai Pusat Kecemerlangan Sejarah dan Kesultanan Brunei;

II. Pencalonan pakaian kebaya sebagai Warisan Budaya Tak Ketara UNESCO secara bersama iaitu Brunei Darussalam, Republik Singapura, Malaysia, Republik Indonesia dan Thailand; dan

III. Negara Brunei Darussalam adalah negara anggota ASEAN pertama yang mempunyai arca ASEAN yang lengkap mempamerkan arca daripada kesemua sepuluh anggota ASEAN dengan Taman Arca yang dinamakan semula sebagai Laluan ASEAN (*ASEAN Walk*) terletak di Taman Rekreasi Sungai Damuan;

e) Dalam memupuk semangat budaya perpaduan, patriotisme, jati diri dan MIB; kita melihat impak dari penyertaan acara kemuncak Hari Kebangsaan dengan jumlah kumulatif lebih 41 ribu (Jumlah sebenar : 41,518) penyertaan. Kesemua strategi dan program-program yang dilaksanakan di bawah perancangan meningkatkan pelestarian warisan, budaya dan sejarah adalah dalam landasan yang betul serta menjurus kepada pencapaian visi Budaya Dinamik dan Warisan Terpelihara.



Dalam kesempatan ini, izinkan Kaola merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua lapisan rakyat dan penduduk yang terlibat dalam menjayakan Upacara Perhimpunan Agung Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam yang ke-40 baru-baru ini termasuk para jemputan, para peserta Hari Kebangsaan, Ahli-Ahli Jawatankuasa dan rakan-

rakan strategik. Penghargaan khusus juga dirakamkan kepada semua kerana telah meninggalkan tempat sambutan dalam keadaan yang bersih, kemas dan teratur. Alhamdulillah, semoga pendekatan senegara ini akan menjadi budaya kitani orang Brunei yang akan diwarisi oleh generasi muda, generasi penerus dan generasi akan datang.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Menjunjung titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Majlis Pembukaan Rasmi Persidangan Musim Permesyuaratan ke-20 Majlis Mesyuarat Negara 2024 iaitu:

- 1) Usaha mempelbagaikan ekonomi dengan memberikan tumpuan kepada industri-industri strategik perlu diteruskan dan dipertingkatkan; dan
- 2) Menggunakan peruntukan yang disediakan dengan lebih berhemah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan bagi penduduk.

Maka berlandaskan kepada hala tuju ini, izinkan kaola menghuraikan **5 fokus strategi sebagai pelengkap kepada usaha-usaha Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dalam meneruskan pelaksanaan pelan strategik Kementerian bagi Tahun Kewangan 2024/2025 yang berteraskan kepada usaha Pengupayaan, Pemerkasaaan dan Penglibatan (3P)** melalui:

- **STRATEGI PERTAMA:** Dalam bidang Kemasyarakatan, abis kaola terus mengembangmaju Masyarakat Cemerlang, Bersatu Padu, Resilien dan Pemedulian; yang memfokus kepada membasmi kemiskinan dan meningkatkan mandiri serta sosio-ekonomi golongan-golongan sasaran.

- Sejumlah **\$23.6 Juta** diperuntukkan bagi program mengembangmajukan Masyarakat Progresif termasuk penambahbaikan prasarana dan kemudahan yang merangkumi **\$12.9** Juta bagi Bantuan, Geran, Pemindahan dan Subsidi.
- Di samping mempertingkatkan penyediaan keperluan asas dan kemudahan sosial yang lain, Kementerian ini akan terus memberikan penekanan kepada **Meningkatkan Lagi Penyelarasan Program-program Intervensi yang Disasarkan Merentas Sektor**, seperti:
 - a. **Pertama, Program Inovasi Belia Berwawasan (PIBB)** yang dilaksanakan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM) yang dikhususkan kepada anak-anak penerima bantuan dan mengandungi module kemasukan sebagai Pelatih PKBN dalam usaha untuk meningkatkan kepimpinan, jati diri dan resilien;
 - b. **Kedua, Meningkatkan lagi penglibatan Sukarelawan Belia (SB)** dalam program-program kemasyarakatan; dan
 - c. **Ketiga, Mengembangluaskan program pembangunan kapasiti dan kemahiran bagi golongan Orang Kelainan Upaya** melalui pelbagai kaedah seperti sheltered workshops dan penempatan kerja.
- Khusus bagi sektor kemasyarakatan, Insha Allah tahun ini, Kementerian ini akan melaksanakan beberapa inisiatif yang signifikan seperti:
 - a. **Pertama, Pelan Tindakan Wanita** hasil dari Penyelidikan Mengenai Pembangunan Wanita di Negara Brunei Darussalam dalam mana Pelan Tindakan ini akan disediakan oleh Jawatankuasa Kerja Institusi Keluarga, Wanita dan Kanak-Kanak dan seterusnya dihadapkan kepada Majlis Kebangsaan Isu Sosial untuk diluluskan.
 - b. **Kedua, Kajian semula garispandu Bantuan Kebajikan Bulanan (BKB)** bagi memastikan tiada ketirisan kepada penerima bantuan;
 - c. **Ketiga, Pelan Tindakan Keluarga** yang baharu ke arah memperkukuhkan institusi keluarga;
 - d. **Keempat, Pelan Tindakan Warga Emas** ke arah penuaan berjaya (successful aging); dan
 - e. **Kelima, Pelancaran Social Blueprint** hasil usahasama Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian ini.





- **STRATEGI KEDUA:** Dalam bidang Kebeliean, abis kaola terus Menjana Belia Harapan Yang Berwawasan Sebagai Peneraju Pembangunan Negara; yang memfokus kepada mempertingkatkan dua bidang iaitu Pembentukan Jati Diri dan Modal Insan dalam kalangan Belia.

- Untuk itu, sejumlah **\$11.2** Juta diperuntukkan bagi program Melahirkan

Belia Harapan yang Berwawasan termasuk penambahbaikan prasarana dan kemudahan yang merangkumi **\$3 Juta** bagi Program Pembangunan dan Keusahawanan Belia; **\$2.1 Juta** bagi Program Pengukuhan Jati Diri dan Menjana Modal Insan; dan **\$5 Juta** bagi Program Pengupayaan Belia.

- Bagi meningkatkan lagi usaha ini, Kementerian akan memberikan penekanan kepada **Menangani Impak Segera dan Pemacu Jati Diri serta Modal Insan dalam Kalangan Belia** yang akan meneliti 3 objektif utama iaitu;
 - a. **Pertama, Kajian semula metodologi dan pendekatan program-program intervensi yang lebih berinovasi dan jangka panjang seperti Program Pembangunan Belia, Program Khidmat Bakti Negara dan Program OBBD;**
 - b. **Kedua, Kajian semula metodologi dan pendekatan usaha meningkatkan produktiviti dan ekonomi belia yang diperkasakan.** Inisiatif yang akan diterajui oleh Youth Entrepreneurship Steering Committee (YESC) adalah:
 - **Menerokai pasaran luaran** melalui hubungan kerjasama mengembang maju produk atau perkhidmatan perniagaan di peringkat serantau dan antarabangsa; dan
 - Meneliti dan mewujudkan dasar yang mendukung pembangunan perusahaan sosial menggunakan pendekatan senegara (whole-of-nation) termasuk mewujudkan ekosistem perusahaan sosial yang efektif dan kondusif.
 - c. **Ketiga, Kajian semula program-program intervensi yang disasarkan dapat memacu pembentukan jati diri dengan lebih terarah, selaras dan sejajar.** Program-program ini akan berasaskan aspek perpaduan, MIB dan pemartabatan budaya, warisan dan sejarah.

- c. **Ketiga, Kajian semula program-program intervensi yang disasarkan dapat memacu pembentukan jati diri dengan lebih terarah, selaras dan sejajar.** Program-program ini akan berasaskan aspek perpaduan, MIB dan pemartabatan budaya, warisan dan sejarah.



- **STRATEGI KETIGA:** Dalam bidang Kesukanan; abis kaola terus memantapkan Pengukuhan Ekosistem Sukan Supaya Lebih Inklusif dan Cemerlang; yang memfokus kepada sukan prestasi tinggi dan sukan untuk masyarakat.

- Sejumlah **\$16.7 Juta** diperuntukan bagi program Mengukuhkan lagi

Ekosistem Sukan yang merangkumi **\$7.8 Juta** bagi Pemeliharaan Prasarana dan Aset; **\$2.1 Juta** bagi Memantapkan Sukan Prestasi Tinggi iaitu; **\$700 Ribu** bagi Pembangunan Persatuan-persatuan Sukan; dan **\$1.8 Juta** bagi Pembangunan Keupayaan Atlet dan Jurulatih secara keseluruhan.

- Bagi meningkatkan lagi usaha ini, Kementerian akan memberikan penekanan kepada **Mengkaji Semula Peranan Sukan Dalam Pembangunan Masyarakat** yang akan meneliti 6 objektif utama;
 - a. **Pertama, Meningkatkan penglibatan masyarakat dalam pengamalan gaya hidup sihat, aktif dan cergas sepanjang hayat** secara inklusif;
 - b. **Kedua, Memperluas perkongsian dan pelaburan swasta atau pertubuhan bukan kerajaan** untuk membantu dalam pertumbuhan modal, pembiayaan dan meningkatkan pendapatan sektor kesukanan;
 - c. **Ketiga, Memanfaatkan media sosial mempromosikan peranan sukan** dalam gaya hidup sihat, kesihatan mental dan fizikal termasuk aspek kepimpinan merentas generasi, alam sekitar, sosial dan tadbir urus yang efektif. Objektif ini boleh menjurus kepada:
- **Meningkatkan peranan atlet sebagai *sports influencers***, dalam mana organisasi sukan boleh memanfaatkan atau meneroka jenama atau menjadi role model dalam pembangunan sukan; dan
- **Menggalakkan penglibatan peminat** sukan untuk memberikan pandangan konstruktif bagi mengembangmaju dan meningkatkan prestasi sukan negara.



d. Keempat, Meningkatkan pemerkasaan dan penglibatan golongan OKU dengan meningkatkan bantuan prasarana dan akses kemudahan sukan;

e. Kelima, Mendukung pelancongan sukan dengan menggalakkan penganjuran kejohanan dan festival sukan serantau dan antarabangsa seperti

2nd SEA Age Group Swimming Championships pada bulan April 2024, 1st International Wushu Championships pada bulan Mei 2024 dan Kejohanan Wushu Remaja Dunia Kali Ke-9 pada bulan September 2024; dan

f. Keenam, Mengkaji kesesuaian Indeks Pembangunan Sukan bagi mengukur kemajuan dan impak sukan kepada sosio-ekonomi negara yang antarlain memfokuskan kepada literasi fizikal, penglibatan, kesihatan, kecergasan, ruang / kemudahan bagi sukan dan ekonomi.

- **STRATEGI KEEMPAT** : Dalam bidang Kebudayaan; abis kaola terus Meningkatkan Pelestarian Budaya, Warisan dan Sejarah; yang memfokus kepada mendaulatkan Bahasa Melayu, Tulisan Jawi dan penerapan budaya, warisan serta sejarah.



- Sejumlah **\$26.5 Juta** telah diperuntukkan bagi Program Mengukuhkan Jati Diri dan Patriotisme termasuk Program Pembinaan, Penerapan dan Penghayatan Warisan, Budaya dan Sejarah serta Penambahbaikan Prasarana dan Kemudahan, yang merangkumi **\$2.2 Juta** bagi Mengukuhkan Kegiatan Bahasa, Sejarah dan Seni Budaya; **\$7.7 Juta** bagi Bahasa, Sastera dan Perpustakaan; dan **\$3.4 Juta** bagi Mengukuhkan Penyelidikan, Pendokumentasian dan Pemeliharaan Bahasa, Sejarah dan Budaya.





- Bagi meningkatkan lagi usaha ini, Kementerian akan memberikan penekanan kepada **Menerokai lagi Peranan Mendaulatkan, Memajukan dan Memelihara Warisan Budaya**. Ke arah ini, Kementerian akan meneliti 3 objektif utama;
 - a. **Pertama, Meningkatkan lagi imej Negara Brunei Darussalam** di

peringkat serantau dan antarabangsa. Dikongsikan, salah satu lagi warisan budaya tidak ketara yang akan dicalonkan ke UNESCO ialah, pantun Melayu;

- b. **Kedua, Menerokai lagi pemberdayaan warisan budaya tak ketara dalam kalangan masyarakat** seperti memperkasa ekspresi budaya, memanfaatkan media kreatif dan platform digital yang berasaskan budaya; dan
- c. **Ketiga, Melaksanakan kaji selidik peningkatan kefahaman dan penghayatan budaya, warisan dan sejarah** yang akan memberikan gambaran tahap kefahaman, pengetahuan dan penerapan terhadap budaya, warisan dan sejarah dalam kalangan generasi muda dan masyarakat secara amnya.

- **STRATEGI KELIMA: Abis kaola terus Memastikan Perkembangan Sistem dan Proses Yang Efisien, Efektif dan Tepat Pada Masa; yang memfokus kepada meningkatkan pengoptimuman sumber dan pembangunan sektor-sektor di bawah Kementerian, termasuk pengurusan aset bagi menambahbaik kecekapan operasi, produktiviti dan pulangan pelaburan.**
- Untuk itu, sejumlah **\$7.2 Juta** diperuntukkan bagi program Peningkatan Kemahiran, Pengoptimuman Penggunaan Digital Teknologi dan penambahbaikan prasarana serta kemudahan yang merangkumi **\$504 Ribu** bagi program Pembangunan Sumber Manusia dan **\$1.8 Juta** bagi program Pengurusan Aset.
- Bagi meningkatkan lagi usaha ini, Kementerian ini akan memberikan penekanan kepada **Membentuk Semula dan Mengembangkan Model** Penjanaan Pendapatan dengan menarik lebih banyak penglibatan agensi swasta dan pertubuhan bukan kerajaan. Abis kaola akan meneliti 6 objektif utama;
 - a. **Pertama, Kajian semula pengurusan aset** melalui program konsolidasi fiskal yang berimpak dengan nilai tambah;



a. **Kedua, Kajian semula pendekatan pengemaskinian dan penstrukturan semula fungsi perkhidmatan** yang disasarkan menjurus kepada penswastaaan dan pembangunan korporat;

b. **Ketiga, Memantapkan tadbir urus sistem dan proses dengan memanfaatkan digital dan teknologi** supaya perkhidmatan kepada pelanggan akan menjadi lebih

efisien dan berkesan;

- c. **Keempat, Meneroka dan meneliti semula perkhidmatan menjana pendapatan** seperti memanfaatkan penyelidikan dan data (data monetization) serta penggunaan kemudahan;
- d. **Kelima, Menerokai lagi kerjasama melalui tanggungjawab korporat sosial (CSR)** bagi membiayai program-program pembangunan kapasiti; dan
- e. **Keenam, Melaksanakan penambahbaikan** hasil dapatan dari Hari Mesra Pelanggan KKBS 2023.

Yang Berhormat Pehin Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat,

Demikianlah yang Peramba / Kaola / Saya dapat bentangkan. Insyallah, dengan kerjasama rakan-rakan strategik secara senegara atau whole of nation, dan juga kerjasama daripada Ahli-ahli Yang Berhormat selaku pemimpin akar umbi, suara dan telinga rakyat, kita akan dapat memperkukuhkan lagi usaha mencapai matlamat bersama iaitu Bangsa Brunei Cemerlang.

Sekian.

وباهل التوفيق والهداية والسالم عليكم ورحمة هلا وبركات

TADARUS AL-QURAN CEREMONY

BANDAR SERI BEGAWAN, Tuesday, 7 Ramadan 1445 / 19 March 2024 –

The Ministry of Culture, Youth, and Sports, along with departments under it, organized a Tadarus Al-Quran ceremony to further glorify the blessed month of Ramadan. The event took place at the Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit Mosque in the Brunei and Muara District.

The ceremony commenced with a collective recitation of Surah Al-Fatihah, followed by Tadarus Al-Quran, led by Mosque Affairs Officer, Yang Mulia Awang Nuzli bin Haji Jumat. The event concluded with Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam, Selamat Tafriyyah and Sayyidul Istighfar.



13th MUNAJAT RAMADHAN BY MORA




BANDAR SERI BEGAWAN, Saturday, 11 Ramadan 1445 / 23 Mac 2024 - The Ministry of Religious Affairs (MORA) is continuing the 130th Munajat, also known as Munajat Ramadhan, to be celebrated in the month of Ramadan. This month provides an opportunity to enhance worship and charity, merely to seek the blessings and uncountable rewards that are generously offered by Allah Subhanahu Wata'ala.

The ministry of Culture, Youth and Sports and Departments under it have participated Munajat Ramadhan virtually at the Surau of Ministry of Culture, Youth and Sports.

After the reading of Sayyidul Istighfar and Surah Al-Fatihah, the event continued with reading of Surah Yasin led by Yang Mulia Awang Mohd Amin bin Haji Salim, Chief Monitor, Zone 3 of District of Brunei and Muara, Department of Mosque Affairs (JHEM), Mohamed Bolkiah Mosque, Serusop.

31ST ASEAN SOCIO-CULTURAL COMMUNITY (ASCC) COUNCIL MEETING



LUANG PRABANG, LAO PDR, Sunday, 12 Ramadan 1445 / 24 March 2024 - Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad, Minister of Culture, Youth and Sports, attended the 31st ASEAN Socio-Cultural Community (ASCC) Council Meeting from 23rd to 24th March 2024 in Luang Prabang, Lao PDR.

The meeting, themed "Enhancing Connectivity and Resilience" was chaired by Her Excellency Suanesavanh Vignaket, Minister of Information, Culture, and Tourism of Lao PDR, as the ASCC Council Chair 2024 and attended by ASCC Ministers or representatives and the Secretary-General of ASEAN. Timor-Leste was also present as observer. The 31st ASCC Council Meeting was preceded by the 2nd Ad-Hoc Working Group to Develop ASCC Post-2025 Strategic Plan and the 36th Senior Officials Committee for the ASCC (SOCA) held on 21st to 23rd March 2024.



MAJLIS BERTADARUS MALAM-MALAM BULAN RAMADAN BAGI TAHUN 1445H



MAJLIS BERTADARUS MALAM-MALAM BULAN RAMADAN BAGI TAHUN 1445H
Ahad, 24 Mac 2024 di Surau, Istana Nurul Iman



www.mba.gov.bn @mba_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.mba.gov.bn @mba_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.mba.gov.bn @mba_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

ISTANA NURUL IMAN, Sunday, 12 Ramadan 1445 / 24 March 2024 — Majlis Bertadarus Malam-malam Bulan Ramadan bagi Tahun 1445 Hijrah / 2024 Masihi continues on the 13th night of Ramadan at Surau, Istana Nurul Iman.

Among the notable attendees were Yang Mulia Pengiran Mohammad Amirrizal bin Pengiran Haji Mahmud, the Permanent Secretary (Sports), Yang Mulia Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, the Permanent Secretary (Culture), and Yang Mulia Awang Haji Zakaria bin Haji Serudin, the Permanent Secretary (Youth).

The event began with Sembahyang Fardu Isyak and Sembahyang Sunat Tarawih Berjemaah, followed by Tadarus Al-Quran. It concluded with the recitation of Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam. District Officers, senior officers, and other staff members of MCYS were also in attendance.



www.mba.gov.bn @mba_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.mba.gov.bn @mba_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.mba.gov.bn @mba_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan



www.mba.gov.bn @mba_brunai Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

SHARE THE JOY WITH THE MEMBERS OF PUSAT EHSAN



BANDAR SERI BEGAWAN, Friday, 17 Ramadan 1445 / 29 March 2024 — A total of 15 members of Pusat Ehsan Al-Ameerah Al-Hajjah Maryam were treated at the Fast-Breaking Ceremony hosted by the Dental Surgeon and Practice Manager of the Premier Dental Group, Dr. Murali Rao, and his wife, Dr. Sumaya Rao, in one of the hotels in the capital.

The Minister of Health, Yang Berhormat Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, and the Minister of Culture, Youth and Sports, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Mohamad, along with their spouses, were guests of honor.

During the ceremony, Dr. Murali Rao and Dr. Sumaya Rao donated a sum of BND10,000 to the Pusat Ehsan, which was received by the Senior Trustee of Pusat Ehsan, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Alimin bin Haji Abdul Wahab.

131th MUNAJAT RAMADHAN BY MORA



TEMBURONG, Saturday, 18 Ramadan 1445 / 30 March 2024 — The Ministry of Religious Affairs (MORA) continues the 131st Munajat, also known as Munajat Ramadhan, to be celebrated during the month of Ramadan. This month provides an opportunity to enhance worship and charity, with the aim of seeking the blessings and countless rewards generously offered by Allah Subhanahu Wata'ala. The main focus this time is at the Masjid Utama Mohammad Salleh in Pekan Bangar, Temburong.

The ministry of Culture, Youth and Sports and Departments under it have participated Munajat Ramadhan virtually at the Surau of Ministry of Culture, Youth and Sports.

The Munajat Ramadhan commences with the recitation of Sayyidul Istighfar and Surah Al-Fatihah, led by Acting District Officers of Temburong, Department of the Temburong District, the Ministry of Home Affairs (MOHA), Awang Mohamad Yassin bin Haji Ahmed. The event was also attended by member of the Legislative Council, Yang Berhormat Haji Awang Sulaiman bin Haji Nasir, who serves as the Chief of the Labu Estate Village and the Piasau-Piasau of the Temburong District, along with other village heads and chiefs in the district.

سلامت مڤمبوت بولڤ رمضان

Selamat Menyambut Bulan Ramadan 1445H/2024M



*Ikhlis daripada:
Warga Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan*



سلامت ممقرايغتي نزول القرآن تاهون ١٤٤٥ هجرة

Selamat Memperingati Nuzul Al-Quran Tahun 1445 Hijrah

تيمًا:
القرآن قدومناكو

Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk (ke jalan) yang lebih lurus dan menyampaikan khabar gembira kepada orang-orang beriman yang mengerjakan amalan-amalan soleh bahawa sesungguhnya bagi mereka pahala yang besar.

Surah Al-Isra, Ayat 9



 www.kkbs.gov.bn

 [kkbs_brunei](https://www.instagram.com/kkbs_brunei)

 Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

**E-POSTER IN CONJUNCTION WITH REMEMBERING NUZUL AL-QURAN
1445/2024**



كمتريڤ كبودايان بليادان سوكن

MINISTRY OF CULTURE, YOUTH AND SPORTS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Issued By:

Ministry Of Culture, Youth and Sports

Negara Brunei Darussalam

Email: Info@kkbs.gov.bn

Website: www.mcys.gov.bn

Instagram: @kkbs_brunei

Facebook: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan